

# UMS dapat RM9.2j untuk penyelidikan tahun lalu

UR 27/2/2011 / A3

KOTAKINABALU: Sejumlah RM9.2 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (Mosti) dan beberapa kementerian lain untuk aktiviti penyelidikan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sepanjang 2010.

Sementaraitu, melalui hasil kerjasama pintar dengan beberapa institusi serta agensi swasta dan antarabangsa pula, UMS berjaya memperolehi hampir RM1 juta geran penyelidikan luar.

Justeru, Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berharap melalui peruntukan dan geran ini, penyelidik dari universiti itu dapat meningkatkan mutu penerbitan dan produk penyelidikan mereka.

“Kita bertuah kerana KPT mewujudkan beberapa skim geran penyelidikan baru seperti Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS), Geran Penyelidikan Eksplotari (ERGS) dan Geran Penyelidikan Prototaip (PRGS) sebagai tambahan kepada Geran Penyelidikan Asas (FRGS).

“Ini membolehkan pensyarah yang belum mendapat geran penyelidikan akan berusaha dengan lebih gigih untuk mendapat geran penyelidikan bukan sahaja dari sumber kerajaan tetapi juga dari luar,” katanya pada Majlis Penghargaan Penyelidik UMS 2010, di sini, pada Jumaat.

Tambah beliau, tahun lalu juga menyaksikan seramai 626 kakitangan akademik UMS berpeluang menghadiri persidangan di dalam dan luar negara manakala 359 daripadanya telah membentangkan kertas kerja hasil penyelidikan masing-masing.

“Beberapa penyelidik UMS telah mendapat pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa selain turut terlibat dalam berbagai-bagai ekspo dan pameran penyelidikan,” katanya.

Beliau berkata, UMS telah mengutip 13 emas, 13 perak dan 17 gangsa melalui Ekspo Teknologi Malaysia (MTE), Pameran Rekaan, Inovasi dan Teknologi (ITEX), Karnival Malaysia Inovatif Sabah, BioMalaysia dan Pesta Reka Cipta Antarabangsa Seoul.

Dalam majlis itu, seramai enam penyelidik menerima insentif masing-masing terdiri daripada Insentif Geran TechnoFund, Insentif Penyelidikan FRGS Terbaik Fasa 1/2007, Insentif Pembentangan Kertas Kerja Terbaik Antarabangsa dan Insentif Inovasi dan Reka Cipta Penyelidikan (Dalam dan Luar Negara).

Turut disampaikan Anugerah Penulisan Buku dan Anugerah Penulisan Makalah Jurnal serta Anugerah Tokoh Penyelidik.

Majlis disempurnakan oleh Menteri Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun.